

Bandar dalam taman bakal menjelma

DAFTAR

HARI ini, satu lagi detik bersejarah terlahir di kilometer 14, bahagian utara bandar raya Kuala Terengganu apabila Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin berkenan berangkat menyempurnakan upacara perletakan batu asas bagi pembinaan pusat pentadbiran daerah Kuala Nerus.

Ia bakal menjadi titik mula kepada proses pembangunan lebih pesat, terancang dan menyeluruh. Kawasan pusat pentadbiran itu yang menempatkan pejabat kerajaan negeri, pusat dan institusi kewangan, bakal mempunyai pelbagai kemudahan seperti kediaman, premis perniagaan dan riadah dalam persekitaran yang moden dan menarik.

Lebih 1,000 buah kediaman pelbagai jenis dirancang untuk dibangunkan di samping lebih 400 buah ruang niaga termasuk hotel dan pasar raya akan melatari pembangunan fizikal di sekitar.

Terusan dan kolam tadahan diadakan bagi mengelak berlakunya banjir, sekali gus akan mencorakkan landskapnya sebagai bandar dalam taman yang bakal menarik tumpuan.

Terletak di tapak seluas 184.9 hektar milik kerajaan dalam lingkungan kawasan Baroh Tok Jiring, kawasan perindustrian Gong Badak dan Institut Latihan Perindustrian, upacara kali ini akan membawa kepada wujudnya sebuah bandar berprestij di daerah ini.

Pada majlis itu, nama bandar yang akan menjadi pusat daerah dan lambang kepada pembangunan masa depan negeri dengan konsep moden, hijau dan selamat, akan disyorkan oleh beginda melibatkan usaha pembangunan menyeluruh mengikut pelan perancangannya selama 10 tahun.

Sehingga kini, daerah Kuala Nerus tidak mempunyai bandar yang khusus, hanya sekadar pekan-pekan lama iaitu Pekan Batu Enam, Pekan Tepoh, Pekan Batu Rakit dan Pekan Gong Badak.

Sehubungan itu, penjenamaan bandar ini adalah amat wajar seiring kewujudan daerah baharu Kuala Nerus agar dapat berfungsi dengan mantap dan memberikan kesan limpahan ke arah perkembangan pekan-pekan sekitar.

Persempadanan bandar ini meliputi mukim Kuala Nerus yang melibatkan kampung-kampung dan taman-taman perumahan



MASJID Wakaf Tembesu bakal menjadi masjid daerah Kuala Nerus.



termasuk Kampung Baroh Tok Jiring, Kampung Wakaf Tembesu, Kampung Telaga Batin, Kampung Tok Jembal, Kampung Pak Ti-jah/Sepetir Rendang, kampung Kubang Badak, Kampung Wakaf Baru/Tanjung Jaafar, Juga Kampung Telipot, Kampung Padang Nenas, Kampung Gong Pak Jing dan Kampung Gong Datok Taman Permint Permai, Taman Desa Yayasan, Taman Gong Badak, Taman Angsa, Taman Desa Damai, Taman Pusu

Tiga, Taman Solehan dan Taman Alor Jambu yang mencakupi keluasan 3,785 hektar.

Kawasan bandar ini mempunyai komponen-komponen yang dilihat mampu menjadikannya sebuah bandar yang lengkap dan mapan. Signifikannya bandar ini kerana ia mengandungi kepelbagaian komponen penting sebagai bandar lestari.

Bandar ini boleh juga seumpama Lembah Ilmu kerana di sini letaknya beberapa buah institusi

pengajian tinggi seperti Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Institut Pendidikan Guru, Malaysia (IPG), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Maktab Rendah Sains Mara, Kolej Vokasional Wakaf Tembesu dan Sekolah Menengah Imtiaaz.

Kewujudan sedia ada Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Mahmud, Kompleks Sukan negeri, Gong Badak, jaringan jalan raya yang menyeluruh dan pembinaan tebatan Banjir Baroh Tok Jiring menjadikan demografi kependudukan yang baik terbina.



SEBAHAGIAN daripada komponen Kompleks Sukan Negeri yang mencerminkan komitmen kerajaan memajukan bidang sukan.